



Tradewinds
P l a n t a t i o n B e r h a d

MEMBEKALKAN NILAI BERASASKAN BUDAYA DAN TADBIR NIAGA BERHEMAH

TATAKELAKUAN RAKAN NIAGA

MEMBEKALKAN NILAI BERASASKAN BUDAYA DAN TADBIR NIAGA BERHEMAH

TATAKELAKUAN RAKAN NIAGA

Syarikat Tradewinds Plantation Berhad

1. PENGENALAN

- 1.1 Syarikat Tradewinds Plantation Berhad (TPB) menghargai komitmen rakan-rakan niaga dalam menegakkan semangat kejujuran sebagai asas utama dalam setiap hubungan perniagaan kami.
- 1.2 Tatakelakuan Rakan Niaga (“Tatakelakuan ini”) menggariskan prinsip-prinsip utama yang mentadbir urusan hubungan perniagaan TPB. Prinsip-prinsip ini merupakan piawaian minima yang perlu dipatuhi dan digunakan semasa menjalankan urusan perniagaan dengan TPB.
- 1.3 TPB memahami bahawa akan wujud situasi amalan perniagaan tertentu yang mungkin memerlukan penjelasan lanjut, dan dalam keadaan sedemikian, rakan-rakan niaga disarankan untuk menghubungi para pegawai yang berkenaan dalam TPB, yang akan seterusnya membantu mendapatkan panduan secara dalaman.
- 1.4 Bagi memudahkan proses Menyuarakan Kebimbangan, Tatakelakuan ini telah menggariskan suatu rangkaian komunikasi yang selamat bagi membolehkan rakan-rakan niaga menyalurkan maklumat berhubung sebarang tindakan atau tingkah laku yang melanggar prinsip-prinsip yang termaktub dalam Tatakelakuan ini.

2. PEMANTAUAN KELAKUAN

- 2.1 Tanggungjawab untuk mematuhi Tatakelakuan ini merupakan pra-syarat dalam setiap urusan perniagaan dengan TPB. Rakan-rakan niaga bertanggungjawab untuk mematuhi dan menjalankan pemantauan sendiri bagi memastikan prinsip-prinsip Tatakelakuan ini dipatuhi.
- 2.2 Bagi mengelakkan timbulnya persepsi yang tidak diingini, rakan-rakan niaga juga perlu mengelak daripada sebarang amalan yang dilihat melanggar prinsip-prinsip Tatakelakuan ini.
- 2.3 Dalam situasi di mana pihak TPB dikehendaki untuk melakukan semakan pematuhan atau menjalankan siasatan, rakan-rakan niaga perlu memberi kerjasama yang sepenuhnya kepada wakil-wakil yang telah diberi kuasa oleh TPB.

3. ENAM PRINSIP TATAKELAKUAN

3.1 PRINSIP I : TINGKAH LAKU DAN TINDAKAN BEBAS PENYELEWENGAN

- 3.1.1 Rakan niaga dilarang sama sekali – sama ada secara langsung atau tidak langsung, contohnya melalui pihak ketiga yang mendakwa mewakili TPB – terlibat di dalam rasuah, penyelewengan, menawarkan sogokan, peras ugut atau sebarang tindakan lain bertujuan untuk mendapatkan kelebihan secara tidak adil atau tidak wajar.
- 3.1.2 TPB membenarkan pemberian dan penerimaan barangan promosi dan cenderamata yang sederhana sebagai amalan urusanniaga. Namun, amalan ini haruslah selaras dengan polisi pihak pemberi dan pihak penerima tanpa sebarang niat untuk mempengaruhi sebarang keputusan perniagaan serta hendaklah dilaksanakan secara terbuka semasa urusan perniagaan.

3.2 PRINSIP II : MENGELAKKAN KONFLIK KEPENTINGAN

- 3.2.1 Rakan niaga harus mengelak daripada sebarang kemungkinan konflik kepentingan, dan perlu segera melaporkan dan menguruskan situasi tersebut bagi mempamerkan objektiviti dan ketidakbergantungan dalam keputusan perniagaan.

3.3 PRINSIP III : KEUPAYAAN

- 3.3.1 Rakan-rakan niaga seharusnya memberikan penerangan yang jujur dalam menyatakan tahap pengetahuan, kepakaran, pengalaman dan kelayakan mereka.
- 3.3.2 TPB turut mengkehendaki rakan niaganya untuk mengemukakan sumber rujukan yang sahih dan bebas dari pengaruh luaran berhubung rekod tugas dan kerja yang telah dilaksanakan oleh mereka.

3.4 PRINSIP IV : KOMITMEN

- 3.4.1 Semasa penawaran sebutharga atau penglibatan dalam tender, rakan niaga hendaklah memberikan komitmen yang teguh dalam memenuhi keperluan kontrak tersebut.
- 3.4.2 Rakan-rakan niaga TPB dikehendaki untuk menunjukkan kebertanggungjawaban yang penuh dalam memenuhi komitmen mereka yang dimeterai secara bertulis atau sebaliknya.
- 3.4.3 TPB menggalakkan rakan niaga untuk terus berusaha untuk menambah baik amalan urusanniaga bagi mencapai kualiti perkhidmatan yang cemerlang.

3.5 PRINSIP V : PEMATUHAN

- 3.5.1 TPB mengkehendaki rakan-rakan niaganya untuk mematuhi dan bertindak selari dengan semua undang-undang dan peraturan yang berkaitan.
- 3.5.2 Rakan-rakan niaga juga perlu mengikuti perkembangan dan perubahan dalam undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkaitan bagi memastikan pematuhan berterusan.

3.6 PRINSIP VI : KOMPETITIF

- 3.6.1. Rakan-rakan niaga tidak dibenarkan sama sekali bersuhabat atau bersepakat secara sulit dengan pihak lain semasa mengemukakan sebutharga dan mengambil bahagian dalam tender.
- 3.6.2 TPB mengkehendaki rakan-rakan niaga untuk menawarkan harga berpatutan yang mencerminkan nilai sebenar produk, perkhidmatan dan kerja mereka.

4. MENYUARAKAN KEBIMBANGAN

- 4.1 Sebarang kekhawatiran berhubung ketidakpatuhan prinsip-prinsip Tatakelakuan ini boleh disalurkan secara sulit menerusi e-mel ke alamat ceo@tpb.com.my.
- 4.2 Rakan niaga hendaklah menyuarakan kebimbangan dengan niat yang baik dan munasabah secara :
 - Memperkenalkan diri; dan
 - Memberikan maklumat yang wajar secara jelas bagi menggambarkan situasi berkenaan, dan sekiranya boleh, mengemukakan bukti sokongan.
- 4.3 TPB akan memastikan segala laporan dan tindakan lanjutan dirahsiakan bagi mengekalkan integrity proses berkenaan dan memelihara kerahsiaan semua pihak yang terlibat.
- 4.4 TPB tidak akan bertolak ansur dengan sebarang bentuk tindakan balas atau pembalasan sebagai reaksi terhadap laporan yang sah.

Tradewinds Plantation Berhad. Hak cipta terpelihara.

Tatakelakuan ini adalah tertakluk kepada perubahan dan akan disemak semula sekiranya perlu. Tatakelakuan ini terdapat dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Jika berlaku sebarang percanggahan di antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai. .

Version 1: July 2015